

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

6 DISEMBER 2020

1. Lembu Ahli Parlimen pun kena curi: polis telah kenal pasti suspek terlibat kes kecurian haiwan ternakan.
2. RM200,000 'dihanyut bah'
3. 14 Cawan nasi untuk anjing jalanan
4. Remaja lelaki lempar kucing dicari
5. Rusa hidup pun ada pembeli
6. Breeder loses 4,000 ducks to floods

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Polis telah kenal pasti suspek terlibat kes kecurian haiwan ternakan

Lembu Ahli Parlimen pun kena curi

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

JERANTUT – Penduduk tempatan diminta melaporkan kepada pihak polis sekiranya terdapat kenderaan yang mencurigakan masuk kawasan Jerantut dalam usaha membanteras kes kecurian haiwan ternakan di daerah ini.

Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris berkata, kejadian kecurian kerbau dan lembu di daerah ini semakin menjadidjadi dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi mengelakkan lebih banyak kerugian ditanggung penternak.

Beliau turut mendedahkan, beberapa ekor lembu peliharaannya turut dicuri awal tahun ini yang menyebabkan beliau kerugian kira-kira RM6,000.

"Saya berharap masyarakat bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung



KERATAN Kosmo! semalam.

(JKKK) berwaspada dan bekerjasama dalam membanteras kes kecurian haiwan ternakan ini.

"Sekiranya terdapat kenderaan luar yang datang dalam keadaan mencurigakan, laporkan pada pihak polis agar siasatan dapat dilakukan dengan segera," katanya di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan geng curi ternakan di Jerantut bertindak agresif dan kejam apabila menembak kerbau dengan peluru hidup.

Malah, penjenayah terbabit bertindak melapah kerbau yang ditembak tanpa disembelih terlebih dahulu di tepi jalan tersebut sebelum dagingnya dijual.

Mengulas lanjut, Ahmad Nazlan memberitahu, beliau difahamkan kegiatan mencuri lembu dilakukan oleh satu sindiket dengan modus operandi mereka menembak haiwan tersebut dengan ubat pelali sebelum dibawa lari.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jerantut, Superintendan Mazlan Hassan berkata, pihak polis telah mengenal pasti beberapa suspek dipercayai terlibat dalam kegiatan berkenaan bagaimanapun siasatan lanjut masih dijalankan.

Bagaimanapun jelas Mazlan, pihaknya tidak dapat mendedahkan maklumat lanjut berkaitan kes tersebut agar tidak mengganggu siasatan.



SEKOR kerbau yang ditembak penjenayah tidak sempat dibawa lari dan ditinggalkan di tepi Jalan Ulu Tembeling, Jerantut baru-baru ini.

RM200,000 'dihanyut bah'



ANTARA bangkai itik yang dikumpulkan selepas banjir surut.

panggil Moksuk berkata, dia mengusahakan ternakan itu bersama suami, Mohamad@Md Nor Zakaria, 71, sejak 2017 dengan membebel telur itik mentah dan telur masin dipasarkan dengan nama Moksuk Telur Masin.

"Kami terpaksa memberhentikan jualan kerana tiada telur dapat diproses buat masa ini memandangkan itik yang tinggal turut berdepan risiko penyakit dan

tekanan (*stress*) akibat bencana.

"Kami kena beli anak itik baharu untuk memulihkan aktiviti perniagaan dan dijangkakan proses pemulihan semula perniagaan akan mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kerajaan Ne-

geri Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail turut hadir melawat ladang ternakan itik Rahimah.

Katanya, pihaknya akan menyalurkan bantuan bencana segera kepada mangsa dan pekerja yang terbabat.

14 cawan nasi untuk anjing jalanan

Kuala Lumpur: Simpati terhadap anjing jalanan yang sering dilihatnya mencari sisa makanan dalam tong sampah membuatkan wanita ini terpanggil membantu haiwan itu di sekitar rumahnya dekat Semenyih, Selangor.

Nurul Fatin Junaidi, 22, berkata, walaupun pada mulanya timbul perasaan takut dikejar dan digigit anjing namun dia tetap memberanikan dirinya.

"Pada mulanya, hanya nak beri makan dua ekor anjing itu saja yang saya jumpa berteduh di bawah lori ketika hujan.

"Saya masak lima cawan nasi dan gaulkan bersama ikan dan ayam dan selepas beberapa hari timbul keinginan untuk memberi makan kepada anjing lain," katanya ketika dihubungi.

Ibu seorang anak itu berkata, dia kini memasak 14 cawan nasi setiap hari dan membungkusnya menggunakan pembungkus makanan untuk diberi kepada 20 anjing jalanan di sekitar rumahnya.

"Saya juga sering memberi makan kepada kucing jika terserempak di kaki lima atau restoran.

"Saya memberi makan kepada mereka sehari sekali sama ada waktu petang atau waktu malam ditemani suami, Ridhaudhin Fuad Rohaimy, 23," katanya.

Katanya, dia turut berkongsi video memberi makan anjing jalanan itu di media sosial Instagram dan akaun TikTok miliknya.

"Perkongsian yang dimuat naik hanyalah berkongsi rutin harian saya dan

suami itu sudah disalah erti segelintir warganet di ruangan komen.

"Sesetengah warganet di ruangan komen memberi tanggapan negatif kepada perkongsian di TikTok disebabkan saya membungkus nasi di atas kertas terpakai.

"Malah, saya juga akan menunggu anjing itu habis makan sebelum beredar dan membuang pembungkus maka-

nan ke dalam tong sampah dan bukan membiarkannya di jalanan," katanya.

Walaupun begitu, Nurul Fatin tidak mempedulikan komen warganet dan tidak serik memberi sedekah kepada haiwan jalanan sejak dua minggu lalu.

"Selepas perkongsian itu tular, ramai yang memberi mesej menerusi Instagram mahu menyumbang sedikit wang dan makanan untuk sama-sama membantu memberi makan anjing atau kucing jalanan," katanya yang bekerja dalam perkhidmatan tinted cermin kereta bersama suami.

Terdahulu, perkongsian Nurul Fatin mendapat perhatian warganet di aplikasi TikTok sehingga meraih lebih 1 juta tontonan setakat ini.

Menerusi perkongsian video yang dimuat naik itu, kelihatan dua ekor anjing teruja dengan kehadiran Nurul Fatin sehingga menjilat tangannya tanpa disadari.

Katanya, selepas melihat semula rakaman itu dia menyamak kawasan jilatan anjing mengikut garis panduan yang dituntut melalui Internet.

"Saya memberi makan kepada mereka sehari sekali"
Nurul Fatin



NURUL Fatin memberi makan anjing jalanan setiap hari di kawasan rumahnya.

Remaja lelaki lempar kucing dicari

Kuala Lumpur: Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat mengenai remaja lelaki yang melempar kucing seperti yang tular di laman sosial semalam.


Menerusi video berkenaan, kelihatan remaja lelaki berkenaan mengusap se ekor kucing sebelum melemparnya ke belakang.

Presidennya, Arie Dwi Andika berkata, kejadian itu tular di laman sosial dipercayai selepas video itu dimuat naik di aplikasi TikTok.

Menurut Arie, berdasarkan aduan diterima, kejadian itu dipercayai berlaku di Sarawak, tetapi tidak dapat dipastikan lokasi sebenarnya.

"Persatuan menerima maklumat mengenai kejadian itu semalam dan turut mendapat butiran seperti nombor telefon serta akaun laman sosial remaja lelaki terbabit.

"Bagi mendapat kepastian, saya cuba menghubungi nombor itu tetapi gagal manakala akaun Instagram



REMAJA lelaki yang dicari.

(IG) remaja lelaki berkenaan juga sudah dinyahaktif dipercayai selepas diserang warganet.

"Justeru, orang ramai, rakan, kenalan atau saksi kejadian yang mempunyai maklumat boleh menyalurkan kepada persatuan dengan menghantar kiriman WhatsApp ke nombor 011-20901097 dengan segera," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Arie, insiden seumpama itu tidak seharusnya berlaku dan sukar diterima kerana ia jelas menzalimi haiwan yang patut dilindungi.



MOHD Zaid melihat
rusanya lari sebaik
dilepaskan dari kandang.

RUSA HIDUP PUN ADA PEMBELI!



Mohd Zaid,
isteri ambil
masa dua tahun
jinak ternakan
mereka

RUSA dikurung
untuk diberi
makan dedak.

AGRO

Teks dan foto Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

"Tidak sangka, menternak rusa boleh memberikan sumber pendapatan walaupun dagingnya agak mahal," kata pesara kerajaan, Mohd Zaid Zakaria, 58.

Dia yang tinggal di Kampung Sungai Sam, Kuala Krai, Kelantan menternak rusa sejak lapan tahun lalu selepas bersara daripada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesesdar).

Katanya, pada peringkat awal, dia menternak rusa hanya sebagai hobi semata-mata untuk memenuhi masa terluang.

"Sebagai pesara, saya mempunyai banyak masa terluang. Namun sebagai seorang yang tidak boleh duduk diam kerana sudah terbiasa bekerja sejak sekian lama, saya mula mencari sesuatu untuk dilakukan. "Oleh itu, saya ambil

inisiatif menternak rusa untuk memenuhi kelapangan masa daripada membazir begitu sahaja," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sebagai permulaan, dia mengeluarkan perbelanjaan RM13,500 untuk membeli lima rusa induk daripada seorang penternak di Sungai Jin, Kuantan, Pahang.

Menurutnya, tanpa pengalaman dia tidak menyangka ternakan rusa baka jenis Timorensis itu cepat membiak.

"Melihat keadaan itu saya jadi seronok dan mula melihat potensi besar apabila permintaan terhadap daging meningkat biarpun harganya mahal.

"Saya mula serius menternak rusa dengan menambah jumlah yang sedia ada sedikit demi sedikit untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Bukan saja ada yang beli daging, malah tidak kurang pula yang membeli rusa hidup hingga ada

6.12.2020

METRO AHAD

XPRESI

35

permintaan dari luar Kelantan.

"Setakat ini sudah 11 rusa dijual dan kini ada 13 ekor lagi termasuk enam rusa betina menunggu masa beranak," katanya.

Selain menjual daging rusa dengan harga RM65 sekilogram, dia juga menjual rusa hidup antara RM2,000 hingga RM5,000 seekor. Katanya, bidang ternakan haiwan itu juga jarang diceburi kerana kerumitan menjaganya.

"Ternakan ini perlu dijaga sepanjang masa kerana rusa yang baru dipindahkan masih liar dan sering merempuh pagar. Pada masa sama, makanan dedak diberikan tiga kali sehari dan daun kayu perlu diberi sekali sehari.

"Saya dan isteri mengambil masa dua tahun untuk menjinakkan rusa sehingga kami boleh mengosok kepala dan badannya sekarang," katanya.

Bagaimanapun, ternak rusa itu tidak memerlukan kos yang tinggi dan kaedah penjagaan pula jauh lebih jimat berbanding haiwan lain seperti lembu atau kambing.

Dia berkata, kawasan ternak rusa itu seluas 0.8 hektar berhampiran rumah dan menyediakan tempat seperti habitat asalnya di hutan.

"Untuk keselesaan haiwan itu, saya juga membina kandang yang lebih luas dan memagar kawasan sekitarnya supaya rusa bebas bergerak," katanya.

RUSA dikurung di dalam kandang yang sekurang-kurangnya enam jam sehari supaya mudah dijinakkan.

ISTERI Mohd Zaid, Rokiah Isa, 60, membantu memberi makan dedak kepada rusa.



MOHD Zaid menyediakan kemudahan kolam air untuk memudahkan rusa minum air bersih.



Ternakan ini perlu dijaga sepanjang masa kerana rusa yang baru dipindahkan masih liar dan sering merempuh pagar

MOHD ZAID



Breeder loses 4,000 ducks to floods

PASIR PUTEH: A duck breeder suffered a loss of RM200,000 when 4,000 out of 5,000 ducks died due to the floods.

Rahimah Mohamed, 62, said her duck farm was inundated by 1m-deep floodwater on Friday evening.

She said the ducks, which were bred for eggs, died due to the strong currents of floodwater. They were also trapped in the wet and cold enclosure as a result of rain that lasted for two days.

"When the water receded, I went out and collected the duck carcasses. We spent more than six hours picking them up around the enclosure and the surrounding area.

"Only about 1,000 ducks survived. This has been my biggest loss since I became a duck breeder 13 years ago," she said at Kampung Banggol Pak Esah, here,

yesterday.

Rahimah, who is known in the area as Mok Su, said she had been operating the duck farm with her husband Mohamad@Md Nor Zakaria, 71, and business partner Azrin Mohamad since 2007.

They sold duck eggs and salted duck eggs under the brandname Moksus Salted Eggs.

She said apart from the loss of ducks, some of the infrastructure at her farm, including fencing and facilities for storing and processing salted eggs, was also damaged in the flood.

She said more than 5,000 eggs had been destroyed or lost.

"We had to halt operations because we have no eggs to process. The remaining ducks risk contracting flood-borne diseases and are likely under a lot of stress.

"In order to continue, we have to buy new ducklings. We hope to

resume the business in six months' time."

She said the ducks at her farm could produce 3,500 eggs daily to meet the demand of eight permanent wholesalers and suppliers from around the country, particularly in Johor and Perak.

"We have six permanent employees, who are university graduates, as well as 10 general workers, who are single mothers from the community, who rely on this job as their only source of income."

State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology and Environment committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail later paid a visit to the farm.

While expressing sadness over the loss, he said he would provide assistance to Rahimah and her employees.



Breeder Rahimah Mohamed (second from right) and her workers showing the ducks that died due to flooding on her farm in Pasir Puteh. PIC BY NOR AMALINA ALIAS

"We will send officers from the Department of Veterinary Services to advise the farmer on what to do next, as well as inspect

the farm and its facilities and provide vaccination, vitamins and rehabilitation," said the Selinsing assemblyman.